



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:

NO SEBUT HARGA TAJUK FAIL RUJUKAN	KELAYAKAN KONTRAKTOR/ SYARIKAT	TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH & MASA SEBUT HARGA DITUTUP
<p><u>NO SEBUT HARGA</u> S0064/24 <u>FAIL RUJUKAN</u> MBS.JTL.400-5/7/410</p> <p><u>TAJUK</u> KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN DAN LANDSKAP KAWASAN TAMAN AWAM RASAH KEMAYAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN</p> <p>Sebut Harga Yang Lewat Tidak akan Diterima.</p>	<p>(BUMIPUTERA)</p> <p>221002</p>	<p><u>DARI TARIKH</u> 05 Mac 2024 (Selasa)</p> <p><u>HINGGA</u> 12 Mac 2024 (Selasa)</p> <p><u>HARGA DOKUMEN</u> RM 50.00</p> <p><u>TEMPAT</u> JABATAN KEWANGAN WISMA MBS, PERSIARAN FOREST HEIGHTS 1 JALAN SEREMBAN- TAMPIN 70450 SEREMBAN <u>WAKTU URUSAN</u> Isnin - Khamis 08:30 pagi - 12:30 tengahari 02:00 petang - 04:00 petang Jumaat 08:00 pagi - 12:00 tengahari</p>	<p><u>TARIKH</u> 12 Mac 2024 (Selasa)</p> <p><u>MASA</u> 12:00 TENGAHARI</p> <p><u>Sesi Lawatan Tapak diwajibkan seperti berikut:</u> Tarikh : 04 Mac 2024 (Isnin) Masa : 09:30 Pagi Tempat : PEJ. JAB. TAMAN & LANDSKAP (HQ) WISMA MB SEREMBAN PERSIARAN FOREST HEIGHTS 1, JALAN SEREMBAN - TAMPIN,</p>

2. Sekiranya penyebut harga tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Seremban dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang ditetapkan. Pembayaran bagi pembelian dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk Tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Dokumen Sebut Harga hanya dijual kepada syarikat atau wakilnya yang sah sahaja yang menunjukkan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia Asal berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).

3. Semua dokumen Sebut Harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor Sebut Harga berkenaan di penjuru kiri dan dialamatkan kepada Datuk Bandar, WISMA MBS, PERSIARAN FOREST HEIGHTS 1, JALAN SEREMBAN-TAMPIN, 70450 SEREMBAN dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Wisma MBS.

4. Majlis Bandaraya Seremban tidak terikat untuk menerima dokumen Sebut Harga yang terendah atau sebarang dokumen Sebut Harga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen Sebut Harga yang tidak terdapat di dalam Peti Sebut Harga setelah Peti Sebut Harga dibuka.

5. Majlis Bandaraya Seremban berhak untuk membatalkan Sebut Harga syarikat yang terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses Sebut Harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani.

6. Tidak mempunyai sebarang tunggakan (Cukai Taksiran/ Kompaun/ Sewaan/ Semak Samun/ pelbagai tunggakan lain) dengan MBS. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen tender, kontraktor/ pembekal layak untuk menyertai Sebut Harga ini.

7. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

>> NOTIS SEBUT HARGAJUGA BOLEH DILAYARI DI LAMAN WEB:

www.mbs.gov.my



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

70450 SEREMBAN,